

19 JUN 1999

Samy-Pilihan Raya

MIC GERAKKAN JENTERA PILIHAN RAYA

Oleh: Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Ketika ramai orang menunggu-nunggu pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mengenai pembubaran Parlimen, MIC hari ini menggerakkan jentera pilihan rayanya, menyebabkan kalangan wartawan politik mula menghitung hari bagi pilihan raya umum akan datang.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu memulakan fasa akhir persiapan parti bagi pilihan raya umum itu pada satu mesyuarat khas dengan para pemimpin kebangsaan, negeri, bahagian dan cawangan di sini.

Beliau berkata tema kempen pilihan raya MIC ialah "Menuju Alaf Baru Bersama BN."

Kira-kira 200 pegawai parti yang terdiri daripada anggota Jawatankuasa Kerja Pusat, anggota Parlimen, wakil rakyat, pengerusi bahagian, pemimpin Pemuda dan Wanita MIC menghadiri mesyuarat di ibu pejabat MIC di sini.

"Ini adalah hari terakhir bagi semua dokumen dan garis panduan dibentangkan sebagai persediaan untuk pilihan raya. Kami telah menyediakan topik-topik utama untuk diperkatakan oleh para pemimpin semasa kempen pilihan raya itu," kata Samy Vellu.

Beliau berkata walaupun Parlimen masih belum dibubarkan, parti itu tidak mahu menunggu sehingga saat akhir.

"Ia boleh diadakan pada bila-bila masa... terpulang kepada Perdana Menteri tetapi adalah lebih baik bagi kita bersiap sedia," katanya.

Katanya para pemimpin MIC yang menghadiri sesi itu diberi taklimat mengenai bagaimana untuk meneliti senarai pengundi dan mengajak mereka datang ke pusat mengundi.

Samy Vellu berkata lebih 800,000 pengundi kaum India yang layak mengundi dan 465,000 orang adalah anggota MIC.

Katanya pengerusi bahagian dan cawangan MIC sepatutnya menghentikan perbuatan meminta peruntukan dan sebaliknya mengendalikan parti menerusi inisiatif mereka sendiri.

Ditanya sama ada MIC yang kini memegang tujuh kerusi Parlimen dan 15 kerusi Negeri, akan meminta lebih banyak kerusi, Samy Vellu berkata masih terlalu awal untuk berbuat demikian.

Samy Vellu berkata MIC telah berjuang bagi kebaikan masyarakat India di negara ini selama 53 tahun dan akan terus berbuat demikian walaupun terdapat kenyataan oleh parti pembangkang bahawa mereka mahu memperjuangkan nasib mereka.

"MIC akan terus memainkan peranan yang efektif sebagai satu-satunya perwakilan masyarakat India dalam kerajaan. Tiada satu pun parti pembangkang berjaya menunjukkan kemampuan mereka memperjuangkan keperluan dan aspirasi masyarakat India di negara ini," kata beliau.

Mengenai sama ada terdapat pemberhentian beramai-ramai anggota MIC untuk menyertai pembangkang, Samy Vellu berkata setakat ini hanya dua anggota yang menyatakan bahawa mereka telah menyertai parti yang baru dilancarkan iaitu Keadilan.

"Mungkin banyak anggota masyarakat India lain yang bukan anggota mana-mana parti politik menyertai mereka. Tetapi itu tidak bermakna bahawa Keadilan mendapat sokongan seluruh masyarakat ini," katanya.

Beliau juga berkata bahawa perhimpunan agung tahunan MIC akan diadakan pada 31 Julai seperti yang dijadualkan walaupun persediaan bagi pilihan raya umum telah digerakkan.

"Kita akan meneruskannya walaupun jika pilihan raya diadakan. Malahan,

ia boleh menjadi landasan untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan pilihan raya," katanya.

-- BERNAMA

AR RHM